

BN kekalkan tradisi bela nasib rakyat

BN 26 JUL 1986

KUALA LUMPUR, Jumaat — Slogan "Tradisi Membela Rakyat" yang menjadi tema manifesto Barisan Nasional (BN) untuk pilihanraya umum yang ketujuh pada 2 dan 3 Ogos ini adalah jaminan kerajaan untuk meneruskan usaha membelak nasib semua kaum di negara ini.

"Insyallah masa depan rakyat berbilang kaum akan terus dibela dan terjamin apabila kerajaan BN diberi mandat baru meneruskan pentadbiran negara," kata **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.**

"BN ingin mengekalkan tradisi membela rakyat sepanjang masa demi menjamin masa depan semua kaum," tegas beliau ketika melancarkan manifesto BN di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini pagi ini.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata pengundi-pengundi perlu ingat bahawa hanya BN sahaja sanggup membelak nasib rakyat berbilang kaum di negara ini.

"Rakyat perlu memahami hasrat dan usaha BN untuk terus berkhidmat kepada mereka serta mewujudkan masa depan yang cerah dan terjamin," ujarnya.

Sejarah

Perdana Menteri juga menegaskan, BN memerlukan majoriti lebih dua pertiga di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi mewujudkan sebuah kerajaan yang kuat dan boleh melaksanakan tanggungjawab secara berkesan demi kepentingan semua rakyat.

parti-parti yang bergabung dalam barisan itu lebih mementingkan diri masing-masing.

"Barisan pembangkang ditubuhkan untuk pilihanraya sahaja dan untuk merebut kerusi bagi kepentingan sendiri," jelasnya.

Meniru

Katanya selepas pilihanraya parti-parti dalam barisan pembangkang itu akan bercakaran sesama sendiri dan akan menimbulkan pelbagai isu untuk memenuhi kepentingan perjuangan politik masing-masing.

Selain itu tegas Datuk Seri Dr Mahathir, BN dianggotai oleh parti-parti yang mewakili pelbagai kaum termasuk kaum-kaum seperti Kadazan, Iban, Murut dan

Bajau di Sabah dan Sarawak.

"BN benar-benar mewakili semua kaum di negara ini dan BN sahaja dapat membela nasib semua kaum," tegasnya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, sungguhpun parti-parti pembangkang cuba untuk meniru BN dengan menubuhkan barisan pembangkang, mereka masih tidak mewakili semua kaum kerana ada antara mereka hanya mementingkan satu kaum sahaja.

Beliau juga menjelaskan BN berusaha mewujudkan perpaduan antara kaum sedangkan barisan pembangkang hanya mengutamakan kerjasama sewaktu pilihanraya sahaja dan tidak berusaha mewujudkan perpaduan secara jujur dan bersungguhsungguh.

Menurutnya sejarah perjuangan BN (sebelum ini Perikatan) sejak tahun 1951 adalah bukti yang tidak boleh dinafikan bahawa BN sudah dapat membela rakyat secara berkesan.

Beliau berkata barisan lain seperti barisan pembangkang anjuran Pas tidak dapat membela nasib semua rakyat kerana